

10/06/1997

Lawatan PM rancakkan iklim pelaburan di Kelantan

KOTA BHARU, Isnin - Kerajaan Pas Kelantan menyifatkan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan April lalu berjaya menghapuskan `sekatan mental' di kalangan pelabur luar berhubung peluang mewujudkan kerjasama ekonomi dengan negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) kini semakin banyak menerima tawaran daripada pelabur besar yang berminat bekerjasama mengusahakan pelbagai projek pembangunan.

"Kedatangan Perdana Menteri memang menyelesaikan banyak masalah `sekatan mental' di kalangan pelabur luar dan ternyata kini ramai pelabur besar menawarkan diri untuk mengadakan kerjasama.

"Kita mengamalkan sikap terbuka dalam hal ini (pelaburan), tetapi menapis bentuk projek yang ingin dimajukan.

"Sebagai contoh, kita akan tolak projek yang bercanggah dengan Islam, terutama yang menyumbang ke arah gejala sosial tetapi pada masa sama, kita terima projek yang mempunyai ruang untuk diperbaiki," katanya di pejabatnya, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkunjung ke Kelantan pada 4 April lalu bagi menyaksikan majlis menandatangani projek usaha sama petrokimia di antara KUB Holdings Bhd dengan Keloil Sdn Bhd.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas melahirkan keyakinan terhadap semua projek usaha sama yang diadakan di Kelantan setakat ini dan mengakui ia banyak membantu usaha meningkatkan pembangunan di negeri ini.

Terdahulu, Nik Aziz yang juga Pengerusi PKINK mengadakan perjumpaan hampir dua jam dengan ahli jawatankuasa Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan (DPMMNK) yang diketuai Pemangku Yang Dipertuanya, Nik Abdul Rahman Nik Taib.

Beliau berkata, PKINK menerima pandangan DPMMNK agar memastikan kontraktor Melayu tidak terlepas peluang untuk mengambil bahagian dalam projek usaha sama, terutama membabitkan penggunaan tanah rizab Melayu.

"Kita akan memberi keutamaan kepada kontraktor Melayu bagi sebarang projek di Kelantan, khususnya yang diluluskan oleh kerajaan negeri dan membabitkan tanah rizab Melayu.

"PKINK dan DPMMNK akan membentuk konsortium bagi membolehkan kedua-dua pihak berunding dalam melaksanakan projek yang dikendalikan kerajaan negeri.

"Langkah ini penting agar tidak berlaku pertembungan kepentingan di kalangan PKINK dan DPMMNK," katanya.

(END)